

# Penyelesaian krisis Iraq di tangan PBB — PM

KUALA LUMPUR 6 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penyelesaian krisis Iraq tidak terletak di tangan Kerajaan Amerika Syarikat (AS) sebaliknya bergantung kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Walaupun AS mendakwa mempunyai bukti-bukti tentang penyembunian senjata pemusnah oleh Presiden Saddam Hussein, keputusan sama ada serangan patut dilakukan atau tidak, perlu diputuskan sendiri oleh badan dunia itu, tegasnya.

“Pendirian kita ialah, sehingga PBB berpuas hati yang Iraq mempunyai senjata pemusnah, bukannya kerana kerajaan AS yang berpuas hati.

“Sebelum itu (berpuas hati), kita tidak patut berperang dengan Iraq,” katanya sambil menegaskan perang bukan penyelesaian bagi krisis di Iraq.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau persiapan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-

Negara Berkecuali (NAM) di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai pembentangan kes program senjata Iraq oleh Setiausaha Negara AS, Colin Powell di hadapan anggota Majlis Keselamatan PBB semalam.

## Maklumat

Dalam pembentangan selama 90 minit itu, Powell antara lain mendedahkan beberapa rakaman perbualan, gambar-gambar satelit dan kenyataan pemberi maklumat mengenai senjata kimia dan biologi Iraq yang didakwa disembunyikan daripada pemeriksa senjata PBB.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, dalam apa jua keadaan, peperangan tidak menamatkan krisis sebaliknya akan mengakibatkan kemusnahan yang besar.

“Banyak nyawa yang akan terkorban hanya kerana anda mahu menukar

tampuk pemerintahan negara itu,” katanya.

Sekiranya tindakan sedemikian dibenarkan, beliau bimbang ia akan menjadi satu ikutan pada masa depan.

“Maka ia akan menjadi ancaman menakutkan kepada negara lemah kerana mereka nampaknya akan menghadapi perang jika tidak (patuh kepada arahan) menukar kerajaan,” katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan memberi perlindungan kepada rakyat Iraq sebagai menyatakan sokongan, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak fikir yang mereka akan melarikan diri ke negara ini untuk mengelakkan perang.

Bagaimanapun, beliau menjangka masalah pelarian Iraq akan dihadapi oleh negara-negara Asia Barat.

Bagi Malaysia, Perdana Menteri berkata, sehingga kini kerajaan belum bercadang memberikan suaka politik kepada pelarian negara itu.